

Buli Kian Membarah, Apakah Tindakan Kita?

Baru-baru ini, kita dikejutkan lagi dengan isu buli yang berlaku di sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) yang melibatkan seorang mahasiswa dibuli sehingga mencederaan serius seperti keretakan pada tulang rusuk dan tulang belakang mangsa.

Ini tidak termasuk kes pembulian yang banyak berlaku sebelum ini sehingga meragut nyawa seorang mahasiswa. Jika diikutkan kes pembulian pada peringkat IPT sepatutnya tidak berlaku kerana pelajar yang melanjutkan pengajian kebiasaannya memiliki nilai sahsiah yang tinggi dan berilmu tinggi. Tidak semua orang layak untuk melanjutkan pengajian di sesebuah IPT. Hal dikatakan demikian kerana seseorang itu perlu melepasi piawaian tertentu sebelum layak bergelar mahasiswa sesebuah IPT.

Pengertian buli secara umumnya ialah perbuatan menindas dan mendera individu lain. Menurut *Kamus Dewan Perdana*, buli ialah perbuatan menyakiti, menganiayai atau menakuti yang kebiasaannya dilakukan terhadap seseorang yang lemah. Kita sering mendengar kes buli berlaku di sekolah dan tempat kerja sahaja, namun kini banyak berlaku di IPT yang menjadi tempat masyarakat menuntut ilmu pada peringkat yang lebih tinggi. Kes pembulian terbabit secara tidak langsung mendatangkan implikasi yang serius apabila secara perlahan-lahan telah merosakkan kredibiliti dan keunggulan sesebuah IPT itu.

Lebih membimbangkan lagi, kesannya menyebabkan segelintir masyarakat mula berasa bimbang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana kes buli yang berlaku menjadikan mereka trauma jika perkara tersebut berlaku terhadap diri mereka. Situasi ini merupakan hal yang perlu diberikan perhatian penuh agar isu kemerosotan kadar minat murid lepasan sekolah yang ingin menyambung pengajian tinggi dapat dibendung. Hal ini umpama "mencurahkan minyak ke dalam api". Jika tidak dibendung dengan segera, masyarakat bakal mengalami kemunduran asbab kurangnya generasi muda yang berupaya menerokai cabang ilmu pada peringkat yang lebih tinggi.

Penyumbang kepada Kelakuan Buli

Berbalik pada isu buli yang semakin merebak dalam masyarakat, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kelakuan membuli berlaku sama ada berpunca daripada diri sendiri atau sekelilingnya. Antaranya, termasuklah disebabkan oleh didikan ibu bapa atau ketidakcaknaan ahli keluarga di rumah. Kita tidak sewajarnya meletakkan



an seratus peratus terhadap a kerana orang lain juga boleh i penyebab kepada kelakuan itu. Ia, au bagaimanapun, kita dapat menolak kemungkinan tersebut adalah cara ibu bapa rikan asuhan dan perhatian anak-anak mereka di rumah. dikatakan demikian kerana ya dilihat daripada pandangan sasar, individu yang suka Undang (RUU) Kanun Keseksan (Pindaan) (No 2) 2024 dan RUU Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No 2) 2024 bagi membolehkan isu pembulhan dapat ditangani secara menyeluruh dan melindungi mangsa buli fizikal atau siber. Dengan adanya pindaan, hal ini dapat membantu nasib mangsa buli dibela secara adil.

Langkah Menegah Pembulhan daripada Terus Merebak

Yang pertama ialah peranan ahli keluarga di rumah. Hal ini demikian kerana, di rumahlah karakter atau sikap seseorang dibentuk. Setiap ahli keluarga sama ada ibu bapa, adik, abang mahupun kakak memainkan peranan dalam memastikannya pembulhan sah-sahaja diri. Apa-apa sikap yang dibawa seseorang ketika berada di luar adalah hasil daripada didikan dan asuhan di rumah. Didikan yang dimaksudkan ialah cara ahli keluarga tertutamanya ibu bapa dalam mengendalikannya dan menyedikannya bekalan ilmu daripada keagamaan dan peraturan hidup yang mencukupi bagi membolehkan seseorang itu dapat berinteraksi bersama masyarakat sekeliling dengan baik. Tindakan ibu bapa dalam memberikan perhatian yang cukup kepada berinteraksi bersama masyarakat berbilang dengan baik.



Didikan keluarga dalam menyediakan bekalan anak-anak dapat berinteraksi dengan masyarakat sekeliling dengan baik.

melaui Pindaan Kang Undang-Undang (RUU) Kanun Keseksan (Pindaan) (No 2) 2024 dan RUU Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No 2) 2024 bagi membolehkan isu pembulhan dapat ditangani secara menyeluruh dan melindungi mangsa buli fizikal atau siber. Dengan adanya pindaan, hal ini dapat membantu nasib mangsa buli dibela secara adil.

gaga buli daripada terus berleluasa ditambah pula dengan pindaan baharu terhadap RUU Kanun Keseksan (Pindaan) (No 2) 2024 dan RUU Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No 2) 2024 dalam menambahbaik undang-undang yang sedia ada. Namun begitu, bukannya jumlah undang-undang yang perlu ditambah baik, tetapi penरण dan pengaplikasian undang-undang dalam kehidupan masyarakat perlu diperkukuh oleh pihak berkuasa demi membentuk masyarakat Malaysia yang berdisiplin dan mempunyai nilai insaniah yang tinggi. Pemerkasaan dalam mengaplikasikan undang-undang ini selari dengan tindakan tidak berkompromi terhadap mana-mana pihak yang melakukan kesalahan tanpa melihat pangkat dan bangsanya. Stigma seperti ini jika tidak diambil tindakan segera oleh pihak berkuasa, maka boleh mencalarakan kredibiliti badan berautoriti di negara ini. Oleh itu, pihak berkuasa kerajaan perlu memperkasakan lagi pengaplikasian undang-undang jenayah, khususnya gejala buli. Tuntasnya, gejala membuli ini sememangnya mencemarmkan keharmonian dan kesejahteraan masyarakat dalam menjalan kehidupan seharian. Oleh itu, semua pihak perlulah cakna terhadap permasalahan gejala serius ini, seterusnya memupuk sikap saling membantu dalam usaha membendung gejala berkenaan daripada terus membarah. ●